

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 26 Julai 2016 17:08
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MANIS-MANIS LEBARAN SAMBUT LAWATAN SK TAMAN RAKYAT



26 JULAI 2016 / 21 SYAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

MANIS-MANIS LEBARAN SAMBUT LAWATAN SK TAMAN RAKYAT



ANJUNG TAMU ONLINE: Meriah dan keseronokan di wajah 150 pelajar SK Taman Rakyat (SKTR) Alor Setar yang membanjiri Welcome Centre amat ketara. Pelajar Darjah Enam SKTR begitu teruja sekali ditokok tambah dengan suasana hari lebaran yang masih dirasai.

Penolong Kanan Kokurikulum, Zahanim Mohd Isa berkata, “Kedatangan SKTR bagi memberi pendedahan kepada murid suasana di universiti dan merasai pengalaman tinggal di kampus”.

Selain itu, katanya lagi, “Objektif sekolah bagi memberi semangat dan sumber inspirasi untuk berjaya di masa depan”, tambahnya lagi.

Program lawatan berskala besar ini anjuran bersama Pejabat Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni, College of Arts and Sciences supaya minat pelajar di peringkat awal persekolahan dapat dididik.

Dalam pada itu, semasa sesi kenali UUM di Welcome Centre, ramai yang telah memberi maklum balas yang positif.

“Seronok, gembira sangat dapat melawat UUM”, kata pelajar Laili Fadzri.

“Kali Pertama melawat UUM, menarik dan seronok”, ujar pelajar Nurliyana Rahizulnizam.

Sementara itu, pelajar Azrin Yusrin pula berkata, “Seronok dapat tengok tempat bersejarah seperti UUM”.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

